

PENGGUNAAN ELEMEN MAQASID SYARIAH DALAM PENGUKUHAN RUMAHTANGGA OKU PENDENGARAN MUSLIM MELALUI KURSUS PRA PERKAHWINAN

NORA'INAN BAHARI

AZIZAH MOHD RAPINI

ZANARIAH DIMON

NAWAL SHOLEHUDDIN

Universiti Islam Selangor (UIS)

norainan@uis.edu.my, azizah@uis.edu.my,

zanariah@uis.edu.my, nawal@uis.edu.my

PROF. MADYA DR. NUR HIDAYAH MUHAMMAD HASYIM

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

dr.hidayah169@gmail.com

NURDAYANA MOHD KHALIL

Pelajar Sarjana Universiti Islam Selangor

21mt21005@student.kuis.edu.my

ABSTRAK

Perkahwinan adalah dalam Islam yang bukan sahaja mempunyai sandaran daripada al-Quran dan al-Sunnah tetapi juga memenuhi naluri dan maqasid penciptaan manusia. Perkahwinan didasari oleh hukum-hakam yang meliputi semua pihak yang berkaitan dalam sesuatu perkahwinan sama ada pasangan yang normal atau daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU). Tiada halangan sama ada dari aspek hukum atau undang-undang untuk pasangan OKU berkahwin sesama mereka atau dengan pasangan yang normal. Di Malaysia, pasangan yang hendak berkahwin perlulah lulus Kursus Pra Perkahwinan Islam. Berdasarkan keputusan yang telah dikeluarkan oleh JAKIM pada tahun 2018, OKU pekak dan bisu adalah antara golongan yang dikecualikan daripada mengikuti kursus tersebut sebagai satu kemudahan kepada mereka. Bagaimanapun, dengan kemungkinan masalah atau konflik rumahtangga berlaku kepada golongan ini, maka keperluan untuk mereka juga mengikuti kursus pra perkahwinan adalah wajar bagi persediaan dalam menguruskan keluarga mereka. Kajian ini meneliti dari perspektif maqasid syariah aspek pengukuhan rumahtangga khususnya OKU pendengaran muslim dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui metode analisis dokumen yang merangkumi kitab-kitab fiqh dan fatwa berkaitan perkahwinan OKU serta Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam yang digunakan oleh pihak JAKIM. Analisis mendapati perkahwinan golongan OKU mempunyai perincian dari aspek hukum bagi memastikan pencapaian maqasid syariah dalam perkahwinan. Justeru, keperluan untuk mereka menghadiri Kursus Pra Perkahwinan Islam (KPPI) adalah bagi mencapai maqasid syariah bagi pengukuhan rumahtangga bagi golongan OKU khususnya mereka yang telah mencukupi syarat untuk berkahwin.

Kata kunci: Perkahwinan, OKU, Pendengaran, Maqasid Syariah, Kursus Pra Perkahwinan Islam

PENGENALAN

Perkahwinan adalah sunnah mempunyai sandaran daripada al-Quran dan al-Sunnah bagi memenuhi naluri dan maqasid penciptaan manusia. Mempunyai hukum hakam, rukun dan syarat yang meliputi segala pihak yang berkaitan dengan sesuatu perkahwinan iaitu kedua pihak bakal pengantin lelaki dan perempuan, wali pengantin perempuan dan dua orang saksi.

Dalam konteks Malaysia, pasangan yang hendak berkahwin hendaklah lulus Kursus Pra Perkahwinan Islam (KPPI). Kursus ini diwajibkan kepada seluruh umat Islam di Malaysia sama ada golongan tipikal atau golongan orang kurang upaya (OKU) bermula pada akhir tahun 90an. Kursus ini yang berasaskan kepada Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam telah digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diwajibkan bagi perkahwinan kali pertama sahaja dan tiada tarikh luput. Ia adalah di bawah tanggungjawab jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri di Malaysia untuk melaksanakannya mengikut modul yang ditetapkan. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan bakal pengantin kepada kehidupan sebenar pasangan sebelum dan selepas perkahwinan. Ia mengandungi hukum-hakam perkahwinan, soal hubungan pasangan dan keluarga, proses dan prosedur perkahwinan serta pengurusan kewangan, konflik dan kesihatan keluarga.

Sebagai satu kemudahan (rukhsah) kepada mereka JAKIM pada tahun 2018 telah memberi pengecualian kepada golongan OKU termasuk OKU pendengaran kerana limitasi kemudahan di pihak pengajur dan kaedah penyampaian kepada golongan OKU. (Zuliza Kusrin & Syaidatul Akmar, 2020). Walau bagaimanapun, berdasarkan potensi permasalahan dalam sesbuah perkahwinan, sebagaimana pasangan normal, keperluan untuk golongan OKU mengikuti kursus pra perkahwinan juga adalah wajar. Kajian ini akan meneliti dari perspektif maqasid syariah berkaitan keperluan perkahwinan dan kursus tersebut bagi golongan OKU pendengaran muslim dalam memenuhi sunnah untuk berkahwin.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan metode analisis dokumen yang merangkumi kitab2 fiqh, maqasid dan Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (2018) berkaitan perkahwinan golongan OKU pendengaran (pekkak) muslim. Masalah ketidakupayaan fizikal, pertuturan dan penglihatan tidak termasuk di dalam kajian ini. Analisis mendapati perkahwinan golongan OKU ini mempunyai perincian dari aspek hukum bagi memastikan pencapaian maqasid syariah dalam perkahwinan. Malahan pelaksanaan KPPI kepada mereka boleh mendorong ke arah pencapaian maqasid syariah dalam pembangunan keluarga muslim.

TAKLIF OKU PENDENGARAN DALAM PERKAHWINAN

Perkahwinan atau pernikahan dari segi bahasa bermaksud akad (perjanjian yang mengamdungi lafadz ijab dan kabul yang menghalalkan pasangan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan (Kamus Dewan, 2007). Dari sudut syarak pula bermaksud akad yang bertujuan menghalalkan hubungan suami isteri (al-Khatib, tth.). Menurut Al-Zuhayli (1989) nikah bermaksud suatu akad bagi menghalalkan hubungan mereka dan membolehkan istimta` (berseronok-seronok) antara pasangan dengan mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

OKU mempunyai hak dalam mendirikan rumah tangga sebagaimana mereka mempunyai hak dalam beribadah dan melakukan muamalat. Tiada larangan dalam Islam secara umum. Namun begitu hukum menetapkan sesuatu perkahwinan boleh dikategorikan sebagai wajib, sunat, haram, makruh dan harus apabila berkaitan dengan tujuan perkahwinan dan keadaan diri pasangan yang hendak berkahwin. Bertepatan dengan hadis nabi SAW:

Daripada Umar bin al-Khattab RA, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung dengan niat*”.

(Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, niat merupakan perkara yang amat penting kerana ia yang akan menentukan kedudukan amalan yang dilakukan. Hukum sesuatu perkahwinan bagi golongan tipikal dan OKU adalah sama; iaitu wajib apabila seseorang itu mempunyai dorongan syahwat yang kuat sehingga jika dia tidak berkahwin dia boleh terjerumus kepada kemaksiatan, sedangkan dia berkemampuan untuk berkahwin. Hukum sunat pula bagi yang berkemampuan dan pada masa yang sama masih mampu mengawal nafsu. Bagaimanapun adalah haram untuk seseorang itu berkahwin apabila dia tidak berkemampuan memberi nafkah zahir dan batin serta tiada keinginan untuk berkahwin atau mempunyai niat yang buruk untuk memudaratkan pasangannya. Sebaliknya jika hanya tidak berkemampuan daripada sudut nafkah tanpa niat memudaratkan, hukumnya adalah makruh. Manakala harus bagi mereka yang tidak berada dalam kondisi-kondisi di atas (al-Zuhayli, 1989)

Akad nikah yang dibina di atas keredaan tentang keadaan pasangan masing-masing adalah sah di sisi syarak. Jika salah seorang daripada bakal pengantin meletakkan syarat bahawa pasangan mereka mestilah bebas daripada apa-apa kecacatan secara jelas sebelum akad nikah dilaksanakan dan keadaan tersebut berlaku, maka pasangan tersebut dibenarkan untuk bercerai (Azman, et al., 2018). Bahkan tiada dalam syarat-syarat suami atau isteri kesempurnaan dari aspek fizikal dan mental. Syarat utama mestilah beragama Islam, lelaki atau perempuan yang tertentu, sah kelelakian dan kewanitaannya, tiada dalam ihram haji atau umrah dan bukan isteri orang atau dalam iddah dan bukan telah mempunyai empat isteri serta tiada paksaan (al-Zuhayli, 1989).

Golongan OKU dalam hukum Islam diberikan kelonggaran dalam beribadah dan bermuamalah termasuk juga dalam menjalani urusan perkahwinan terutama dalam akad nikah. Golongan OKU yang dimaksudkan adalah golongan OKU bisu (menghadapi masalah pertuturan) dan pekak (menghadapi masalah pendengaran). Golongan ini sama ada menghadapi masalah serentak pada deria pendengaran dan pertuturan atau salah satu daripadanya. Tidak mengira sama ada OKU bisu dan pekak itu sejak dilahirkan atau setelah dewasa. Mereka boleh berkahwin seperti pasangan tipikal dan juga bercerai.

Perceraian pula boleh berlaku dalam pelbagai cara. Ia boleh dilafazkan dalam bentuk talak oleh suami kepada isteri ataupun melalui perbuatan dan niat suami untuk menceraikan isterinya. Selain itu, talak juga boleh dizahirkan melalui penulisan dan bentuk-bentuk isyarat yang tertentu. Islam tidak mensyaratkan orang yang sempurna anggota sahaja boleh menjatuhkan talak. Oleh itu, jika talak dijatuhkan oleh suami yang kurang upaya dari aspek fizikal seperti kudung atau cacat, maka talak yang dijatuhkan itu sah kerana kecacatan tersebut tidak melibatkan kewarasan akalnya dan menghilangkan kelayakannya untuk menjatuhkan talak.

Namun, jika talak dijatuhkan oleh suami yang gila, bodoh atau apa-apa juga penyakit yang mengganggu fungsi dan kewarasan otaknya, maka para fuqaha menyatakan bahawa talak yang dijatuhkan itu tidak sah kerana tidak memenuhi syarat waras dan sempurna akal. dan telah menghilangkan kelayakannya untuk menjatuhkan talak kepada pasangan.

Walau bagaimanapun, jika kegilaan seorang suami itu bersifat sementara (*muaqqatah*), maka talak hanya akan jatuh jika dilafazkan ketika akalnya berada dalam keadaan waras. Jika talak itu dilafazkan ketika dalam keadaan gila, maka talak tersebut tidak jatuh. Pengecualian yang sama juga berlaku kepada orang yang sedang tidur (mengigau), melatah, sawan atau pitam kerana kelayakan mereka telah hilang dalam keadaan ini. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Setiap talak yang dijatuhkan itu diterima melainkan jika ia dijatuhkan oleh orang yang bodoh atau orang yang hilang kewarasannya. Kuasa talak seorang suami juga tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa kecuali dengan cara perwakilan (wakalah) kerana berkemungkinan akan memberikan kesan buruk kepada pasangan suami isteri. (al-Zuhayli, 1989).

KEMUDAHAN (RUKHSAH) OKU PENDENGARAN DALAM PERKAHWINAN

OKU bisu dan pekak diberikan kelonggaran oleh Syarak untuk menggunakan bahasa isyarat dalam melakukan ijab (tawaran) dan qabul (terimaan) dalam perkahwinan. Isyarat tersebut sama ada boleh difahami oleh sebahagian atau keseluruhan orang. Kebenaran ini mengambil kira wujudnya keperluan untuk berkahwin dan melakukan akad nikah walaupun secara bahasa isyarat. Bahkan penggunaan bahasa isyarat diterima pakai oleh orang ramai dalam kebanyakan perkara dalam kehidupan seharian seperti dalam jual beli apa tah lagi dalam akad nikah. (al-Zuhayli, 1989).

Keperluan untuk berkahwin bagi golongan OKU pertuturan (bisu) dan pendengaran (pekak) juga diambil berat oleh ajaran Islam. Pendapat ini juga selari dengan ajaran Islam bagi menghindarkan kemudaratan (*al-darar yuzal*) (al-Subki, 1991). Ini kerana kemudaratan tidak membenarkan OKU ini berkahwin adalah lebih besar daripada membenarkan mereka berkahwin, yang akan menimbulkan kesukaran kepada kedua-dua pihak suami dan isteri yang boleh diatasi dengan atas penerimaan, bertolak ansur dan kasih sayang kerana Allah SWT.

Terdapat empat isu utama dalam perkahwinan golongan OKU pekak iaitu akad nikah, taklik, cerai dan rujuk yang mempunyai kesan dan hukum dalam perkahwinan. Azman Abdul Rahman et.e. (2020). Perkara ini perlu ditangani dengan baik bagi mengelakkan kemudaratan dalam perkahwinan OKU pendengaran. Antaranya isyarat berkaitan perceraian oleh pihak suami adalah seperti lafaz sarif dan jika suami memberi isyarat secara kinayah, maka ia memerlukan niat suami untuk menceraikan. Seterusnya isu taklik bagi golongan OKU pendengaran boleh berfungsi seperti lafaz talak taklik bagi golongan tipikal, jika bahasa isyarat berfungsi selagi maksudnya jelas dan boleh difahami. Sebutan taklik menggunakan bahasa isyarat adalah sama dengan taklik lisan. Begitu juga halnya dengan rujuk. Oleh itu pendidikan berkaitan hukum-hakam perkahwinan ini serta pengurusan dan prosedur perkahwinan perlu didedahkan kepada mereka selaras dengan kebenaran hukum perkahwinan oleh syariat Islam. Justeru, Kursus Pra-Perkahwinan Islam (KPPI) yang telah digubal dengan baik dan bersifat bersepadan walaupun dikecualikan perlu digalakkan dengan menyediakan infrastruktur, sumber manusia dan sebagainya bagi memenuhi maqasid syariah dalam menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Secara umumnya maqasid syariah didefinisikan sebagai mewujudkan kebaikan, menolak keburukan dan menghilangkan kemudaratan (*jalb al-masalih wa dar`al-mafsadah wa izalah al-mudarrah*). Tujuan ini adalah tujuan yang disepakati oleh para ulama dahulu dan masa kini. Ia juga bermaksud makna dan hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam

keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus dalam mana-mana hukum syarak yang tertentu. Ia merangkumi perbuatan dan tindakan yang dimaksudkan oleh Allah SWT yang diusahakan dengan pelbagai cara oleh seseorang individu untuk mencapainya dengan penuh ketaatan (Ibn 'Asyur, 1366H).

Imam al-Haramayn al-Juwayni (1992) merupakan orang pertama yang membuat pengelasan maqasid dan penggunaannya kepada tiga kategori, iaitu kepentingan (*daruriyyat*), keperluan (*hajiyat*) dan kesempurnaan (*tahsiniyyat*). Manakala al-Ghazali (1993) menghuraikan tentang maqasid syariah dalam perbincangan beliau yang panjang lebar tentang maslahah atau kemanfaatan yang bertepatan dengan syarak dan maslahah yang ditolak kerana bercanggah dengan syarak. Di antara keduanya terdapat *maslahah* yang belum dipastikan diterima atau ditolak yang diistilahkan dengan *maslahah mursalah*. Al-Ghazali menggariskan hanya maslahah yang menepati maqasid syariah sahaja boleh diterima.

Lebih lanjut al-Ghazali menjelaskan bahawa tujuan syarak (*maqsud al-syar'*) dalam penciptaan hambaNya, ada lima iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta mereka. Kelima-lima asas ini adalah perkara yang penting dalam *maslahah* bagi kelangsungan hidup manusia yang dikategorikan sebagai *daruriyyat*. Pengiktirafan hak asasi ini bukan sahaja oleh syariat Islam tetapi dalam semua syariat dan agama.

Al-Raysuni (1995) juga bersetuju bahawa maqasid syariah adalah matlamat yang diletakkan oleh syariat untuk merealisasikan maslahat hamba, iaitu manusia. Oleh itu ia menjadi tumpuan, natijah dan faedah yang diharapkan agar tujuan syarak dapat direalisasikan melalui syariat yang dilaksanakan oleh manusia.

Berdasarkan perbincangan para ulama dan sarjana, maslahah insan di dunia dan akhirat adalah menjadi tujuan utama dalam pentaklifan hukum Syarak. Justeru, bagi memastikan pencapaian maqasid shariah, penyelidik menggunakan lima elemen yang menentukan kewujudan penggunaan dan pencapaian maqasid shariah dalam sesuatu perkara. Cadangan ini adalah berdasarkan inferens yang dibuat terhadap pandangan para ulama *maqasidi* dahulu dan masa kini seperti al-Ghazali, 1294H; al-Shatibi, t.t.; 'Izz al-Din, 1980; Ibn 'Ashur, 1366H; al-Raysuni, 1995; al-Buti, 2001; al-Fasi, 1993; al-Khadami, 2001 dan al-Qaradawi, 2001.

Pertama, mengkategorikan sesuatu isu itu sama ada berada dalam kategori *daruriyyat* (sangat penting), *hajiyat* (keperluan) atau *tahsiniyyat* (kesempurnaan). Penentuan ini penting bagi menentukan keutamaan dalam membuat sesuatu keputusan bagi memenuhi objektif Syarak. Kedua, berasaskan kepada aspek-aspek penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta atau menghapuskan sebarang kemudaratian yang mencerobohi aspek-aspek ini. Ketiga, mendahuluikan maslahah ramai daripada maslahah individu apabila berlaku pertembungan. Keempat, menggunakan istilah-istilah yang mempunyai maksud maqasid shariah seperti kemaslahatan (*maslahah*), hikmah, sebab (*'illah*) dan rahsia Syarak (*asrar al-syar'*) dan Kelima, menolak keburukan didahuluikan dari mencapai kemanfaatan (al-Khadami, 2003 dan al-Buti, 2001).

MAQASID SYARIAH KURSUS PRA-PERKAHWINAN ISLAM DALAM PENGUKUHAN RUMAHTANGGA OKU PENDENGARAN

Dalam konteks Malaysia, pasangan yang hendak berkahwin hendaklah lulus Kursus Pra-Perkahwinan Islam (KPPI). Kursus ini diwajibkan kepada seluruh umat Islam di Malaysia

sama ada golongan tipikal atau golongan orang kurang upaya (OKU) bermula akhir 1990an Kursus ini yang berdasarkan kepada Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPI) telah digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sijil kursus ini juga merupakan salah satu dokumen yang perlu dilampirkan untuk memohon kebenaran berkahwin. Ketiadaan sijil ini, menyebabkan permohonan tidak lengkap dan tidak mendapat kebenaran untuk berkahwin.

Ia diwajibkan bagi perkahwinan kali pertama sahaja dan tiada tarikh luput. Perlaksanaannya adalah di bawah tanggungjawab jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri di Malaysia mengikut modul yang ditetapkan. Kursus ini diwajibkan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada bakal pengantin kepada kehidupan sebenar pasangan dalam sesebuah perkahwinan. Ia mengandungi hukum-hakam perkahwinan, soal hubungan pasangan dan keluarga, proses dan prosedur perkahwinan serta pengurusan kewangan, konflik dan kesihatan keluarga (Ghazali, 2004). Bagaimanapun, berdasarkan keputusan Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk kali ke 39 tahun 2018 memberi pengecualian kepada golongan OKU kepada empat (4) golongan daripada menghadiri kursus PraPerkahwinan iaitu;

1. Telah pernah berkahwin;
2. Telah berumur 45 tahun ke atas bagi lelaki dan berumur 40 tahun ke atas bagi perempuan;
3. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU); dan
4. Warganegara asing.

Manakala negeri Selangor menambah dua golongan iaitu golongan muallaf dan orang asli. KPPI di Malaysia didapati menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam mengurangi jumlah perceraian dari tahun ke tahun. Bukan sahaja dapat mengurangkan jumlah perceraian bahkan meningkatkan pasangan yang ruju' semula Jamaluddin Hasyim et al. (2020). Kewujudan KPPI adalah juga menjadi satu intervensi bagi mengurangkan keganasan dalam rumah tangga, perceraian dan risiko terhadap pengabaian anak akibat perceraian. Ia juga sebagai satu kaedah untuk meningkatkan pendidikan kekeluargaan dan salah satu bentuk tindakan pembetulan (*preventive action*) dalam bentuk kaunseling perkahwinan bagi manfaat suami isteri. Oleh itu, KPPI dapat memperkasakan pelaksanaan hak asasi manusia, terutama untuk golongan yang lebih lemah dalam alam perkahwinan seperti wanita dan anak-anak. Oleh itu, pencapaian maslahah dan maqasid perkahwinan serta hak asasi manusia dapat dicapai dalam peraturan KPPI.

Walau bagaimanapun, kajian Afiqah Mustapa (2021) telah membuktikan bahawa golongan OKU pekak juga memerlukan KPPI. Hal ini adalah kerana antara faktor perceraian di kalangan OKU pendengaran ialah KPPI yang kurang bersifat mesra OKU menyebabkan golongan OKU pendengaran kurang memahami ilmu rumah tangga. Sebelum itu, kajian Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) telah menjelaskan cabaran pelaksanaan KPPI bagi golongan OKU pendengaran antaranya ialah kaedah penyampaian ceramah adalah berdasarkan kaedah golongan normal iaitu penceramah yang kurang peka dengan kehadiran golongan OKU dan keterbatasan penceramah untuk menyampaikan maklumat kepada golongan OKU pendengaran. Dengan jumlah penyertaan daripada golongan OKU yang sedikit selepas pengecualian diberikan dan isu KPPI yang tidak mesra dalam aspek kandungan dan penyampaian, maka penambahbaikan adalah wajar bagi membangunkan Malaysia Madani terutama dalam kalangan keluarga OKU bagi memastikan maqasid syariah dalam aspek penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta terjaga.

Kajian Rafeah Saidon et al. (2016) juga merumuskan pengecualian daripada menghadiri KPPI tidak sepatutnya diberikan kepada sesiapa sahaja, kerana kursus ini penting untuk menyampaikan pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab suami isteri. Dapatkan ini juga disokong oleh Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) yang menjelaskan dalam kajiannya bahawa golongan OKU yang dikecualikan daripada mengikuti KPPI menyebabkan golongan OKU ketinggalan daripada mengetahui hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan. Terdapat sebahagian ibubapa yang prihatin terhadap masa depan anak mereka, terutama dalam soal kehidupan berumah tangga, menyebabkan mereka mengambil inisiatif sendiri dengan menghantar anak mereka yang cacat pendengaran menyertai KPPI.

Lazimnya para ibu bapa yang berkemampuan akan memohon perkhidmatan jurubahasa untuk menterjemah ceramah yang disampaikan sepanjang kursus berlangsung. Bayaran untuk khidmat jurubahasa perlu ditanggung oleh para peserta OKU pendengaran kerana kos tersebut tidak termasuk dalam kos penganjuran kursus. Bebanan kewangan tersebut telah dikenakan ke atas golongan peserta OKU pendengaran dengan menambahkan yuran penyertaan yang meliputi bayaran menyertai kursus dan menggunakan khidmat jurubahasa. Terdapat juga keadaan ibu bapa golongan OKU pekak yang tidak berkemampuan hanya meletakkan anak mereka sebaris dengan golongan tipikal tanpa mengetahui atau memahami keperluan dan kefahaman anak tersebut. Perwatakan OKU pendengaran yang sukar dikesan kerana susuk mereka yang sama normal seperti yang lain menyulitkan sesetengah pihak, terutama penceramah untuk mengenal pasti samada peserta yang hadir ketika itu faham atau tidak.

Perkara ini diperincikan lagi oleh dapatkan kajian Azizah Mohd Rapini et al. (2022) dan Azman Ab Rahman et al., (2021) yang merumuskan bahawa OKU pendengaran menghadapi beberapa kekangan dalam menghadiri KPPI. Antara cabaran yang dihadapi golongan OKU pendengaran ialah fasiliti dan prasarana kursus. Kebiasaanya KPPI diadakan selama dua hari, kemudahan prasarana dan lokasi kursus perlu diambil kira bagi memberi keselesaan kepada peserta khususnya daripada golongan OKU. Medium penyampaian yang terhad juga memberikan cabaran kepada golongan OKU pendengaran untuk memahami ilmu dan kandungan modul yang disampaikan. Isi kandungan modul praperkahwinan sedia ada juga mempengaruhi kefahaman golongan OKU pendengaran iaitu perlu disesuaikan selaras dengan tahap kefahaman dan penerimaan daripada golongan OKU. Hal ini kerana, tahap kefahaman golongan OKU adalah berbeza dengan golongan normal.

Oleh itu, di sini terdapat pertembungan antara tahap kemampuan golongan OKU daripada pelbagai aspek seperti fizikal, pemahaman dan kewangan dalam mengikuti KPPI dan juga keperluan atau *hajiyat* untuk menyertai KPPI bagi mendapatkan ilmu rumah tangga sebagai persediaan sebelum mendirikan rumah tangga. Namun, golongan OKU berhadapan dengan kekangan untuk menghadiri KPPI disebabkan kekurangan yang dihadapi oleh mereka serta fasiliti yang terbatas. Apabila berlaku pertembungan sedemikian, maka pemilihan adalah kemudaratan yang lebih sedikit (*akhaf*), maka keperluan dan maslahah menghadiri KPPI adalah diutamakan (al-Subki, 1991).

Badriyah Ali et al., (2020) merumuskan bahawa modul pembangunan keluarga yang sedia ada telah merangkumi elemen maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Sebagai contoh, pengetahuan berkaitan akidah dan ibadah adalah salah satu faktor dalam mengekalkan perkahwinan seseorang melalui pegangan akidah yang benar dan mewujudkan sahsiah individu yang cemerlang serta memberi mereka kehidupan

yang lebih baik dan bahagia di samping memelihara agama itu sendiri. Mengetengahkan elemen maqaṣid syariah membantu seseorang memahami kepentingan membina keluarga yang baik dan memelihara keharmonian dalam diri. Dapatan kajian tersebut selari dengan kajian Habib Ihtiar (2020) bahawa modul pra-perkahwinan merupakan panduan yang meliputi prinsip maqasid syariah bagi memenuhi *daruriyyat* atau kepentingan bagi pasangan yang ingin berkahwin. Kajian ini akan mengenalpasti elemen-elemen maqasid yang boleh digunakan bagi mengukuhkan rumahtangga Orang Kurang Upaya Pendengaran melalui KPPI dengan penambahbaikan modul yang digunakan seiring dengan peredaran masa dan kesesuaian modul untuk golongan OKU pendengaran bagi mencapai maqasid syariah.

Penerimaan isyarat talak yang diberikan oleh orang bisu bertujuan meraikan prinsip Maqasid Syariah berdasarkan dua perspektif yang berikut: a. Orang bisu juga mungkin memerlukan perceraian atau talak berdasarkan firman Allah SWT yang bersifat umum:²

Maksudnya: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali.
Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu)
dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya)
dengan cara yang baik.

(Surah al-Baqarah 2:229)

Jika tidak diterima talak orang bisu, nescaya akan menyulitkan kehidupan mereka sedangkan Islam tidak menganjurkan kesulitan dalam kehidupan penganutnya. Maka, untuk mengelakkan kesulitan ini, adalah lebih baik menerima isyarat talak yang diberikan oleh orang bisu. (b) Bahasa isyarat sudah menjadi bahasa rasmi bagi golongan OKU yang bisu. Jika isyarat talak yang difahami daripada orang bisu tidak diterima, maka ia akan menyebabkan persengketaan dalam rumah tangga mereka tidak boleh diselesaikan. Keadaan seperti ini bertentangan dengan prinsip syarak yang memudahkan dan menjauhkan kesulitan. 2- Talak yang dilafazkan menggunakan bahasa asing boleh diterima. Maka, adalah lebih utama menerima isyarat talak daripada orang bisu, malah isyarat ini juga berkemungkinan lebih jelas maksudnya berbanding dengan bahasa asing.

Oleh itu perkara-perkara berkaitan hukum ini perlulah dijelaskan kepada para OKU pendengaran kerana ia membabitkan kesan hukum dengan kehadiran mereka dalam kursus tersebut. Kesan perkahwinan dan perceraian bukan sahaja kepada suami atau isteri tetapi juga kepada kedua-dua pihak, anak dan keluarga. Kefahaman hukum penting dan melalui KPPI menjaga maslahah banyak pihak semasa dan selepas pembubaran perkahwinan adalah lebih utama.

Permasalahan dalam pelaksanaan MBKPI sedia ada terhadap golongan OKU pendengaran juga merupakan salah satu keperluan untuk membangunkan satu modul kursus praperkahwinan yang mesra OKU pendengaran. Kaedah pelaksanaan sedia ada menyukarkan golongan OKU pendengaran untuk mendapat ilmu-ilmu tersebut (Zanariah et al., 2022). Antara perkara yang telah dilakukan ialah mengasingkan KPPI golongan yang normal dan tidak mempunyai masalah pendengaran dan OKU pendengaran agar mereka mempunyai ruang yang cukup untuk memahami hukum hakam dan hal ehwal yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab suami isteri. Ia juga perlu disampaikan secara santai, menarik tetapi padat.

Oleh tu, bagi tidak menimbulkan diskriminasi terhadap golongan OKU, pengajuran KPPI boleh ditingkatkan dengan mengambilkira setiap kategori OKU dengan menyediakan

keperluan sumber manusia dan infrastruktur secara berfasa bagi menyediakan kemudahan fasiliti kepada pihak pengajur dengan misi ke arah memastikan penyertaan yang ramai daripada golongan OKU bagi mengurangkan isu-isu kekeluargaan di kalangan mereka dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup berkeluarga di kalangan OKU. (Azizah, 2022)

KESIMPULAN

Terdapat elemen-elemen maqasid syariah yang boleh digunakan untuk menilai penggunaannya dalam KPPI tanpa menafikan terdapat elemen-elemen maqasid syariah lain yang penting. Bagaimanapun, elemen-elemen di atas dipilih berdasarkan kajian literatur yang telah dilakukan dan disyorkan kajian lanjutan dilakukan untuk meneliti elemen-elemen lain yang boleh digunakan untuk menilai penggunaan maqasid syariah.

Pandangannya turut disokong oleh Irwan (2012) yang menegaskan bahawa natijah mengambil kira elemen-elemen maqasid shariah dalam mengeluarkan hukum daripada nas atau semasa proses ijtihad yang tiada nas, adalah untuk merealisasikan maslahah insan dalam bentuk menolak kemudaratian dari mereka sekaligus mencapai kebaikan.

Islam sebagai agama rahmat kepada seluruh alam, menyantuni hak golongan OKU dalam pelbagai bidang kehidupan. Termasuk dalam hal-ehwal perkahwinan. Oleh sebab itu hukum perkahwinan kepada golongan OKU pendengaran ini juga mempunyai hukum sebagaimana golongan yang normal dengan hukum asal adalah harus

Oleh itu ilmu dan pengetahuan berkaitan hal ehwal perkahwinan dan perkara-perkara yang berkaitan seperti cerai dan rujuk perlu diketahui dan difahami oleh golongan OKU pendengaran bagi mengelakkan kekeliruan.

Ia juga selari dengan gagasan Malaysia MADANI iaitu untuk memperkasakan kepimpinan dan penyertaan OKU secara bersepadan dalam usaha pembangunan negara. Ia juga boleh menjadi salah satu inisiatif bantuan dan program bagi membantu meningkatkan kualiti hidup OKU bagi membangunkan OKU MADANI.

RUJUKAN

al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. (2001). *Dawabit Al-Maslalah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.

al-Fasi ‘Alal. (1993). *Maqasid Al-Shari‘ah al-Islamiyyah Wa Makarimuhu*. Cetakan 5. Rabat: Dar Al-Gharbi Al-Islami.

al-Juwayni. (1992). Imam al-Haramayn. *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Mansurah: Dar al-Wafa. 1992M/1412H.

al-Khadami. ‘Ilm al-Maqāṣid al-Syar‘iyah. (2001). *Riyadh: Maktabah al-‘Abikan*.

al-Khatib, Muhammad al-Syarbini. (tth.). *al-Iqna` fi Halli Al-faz Abi Syuja`*. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Qaradawi, Muhammad Yusuf. (2001). *Madkhali Dirasah al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- al-Raysuni, Ahmad. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. cet. 4. Herndon: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- al-Salam, 'Izz Al-Din Ibn 'Abdullah. (1980). *Qawa'id al-Ahkam fiMasalah al-Anam*. Kaherah: Dār Al-Jil.
- al-Subki. Taj al-Din 'Abd al-Wahhab. (1991). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Cet. 3. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Afiqah Mustapa et al. (2021). Faktor Pembubaran Perkahwinan di antara Pasangan OKU Pendengaran Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 5, 51-60.
- Azizah Mohd. Rapini et al., Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Islam Mesra Oku Pendengaran: Analisis Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Pengajian Islam*, 2022, Vol. 15, Isu 2, 213-224.
- Azman Ab Rahman et al. (2018). Isu Fiqh Munakahat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 159-170.
- Azman Ab Rahman et al. (2020). Munakahat Issues Among People With Hearing Disability. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 4 (1), 1-10.
- Azman Ab Rahman et al. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 5, 127-138.
- Badriyah Ali et al. (2020). Maqaṣid Shariah in Family Institutions: Analysis of the Prenuptial Course Module in Malaysia. *Jurnal Pemikiran Hukum Islam*. Vol 19, No 2, 247-280.
- Habib Ihtiar. (2020). Membaca Maqashid Syari'ah Dalam Program Bimbingan Perkawinan. *Jurnal Ahkam*. Volume 8, Nombor 2, 233-258.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. (1366H). *Maqasid Al-Shar'iyyah Al-Islamiyyah*. Tunisia: al-Dar Al-Tūniyyah Li al-Nashr. 1366H.
- Irwan Muhammad Subri. *al-Aḥkām wa al-Fatāwa al-Shar'iyyah Bayna al-Thabat wa al-Taghayyur*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. 2012.
- Jamaluddin et al. (2020). Kursus Praperkahwinan di Indonesia dan Malaysia dalam Perspektif Maslahah dan Teori Hak Asasi Manusia. *AHKAM*. Jilid 2, Nombor 1, 2020.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (Hajah Noresah Bt. Baharom (Ketua Editor) et.al.). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Modul Bersepadu Kursus PraPerkahwinan Islam. (2018). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Muhammad bin Muhammad al-Ghazala. (1993). *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. c. 3, Beirut: Dar Ihya' al-Turah al-'Arabi Muassasah al-Tarikh al-'Arabi,

Rafeah Saidon et al. (2016). Examining Weaknesses in the Governance of Premarital Course for Muslims in Malaysia. *International Soft Science Conference*. eISSN: 2357-1330, 355-361.

Zanariah Dimon et al. (2022). Permasalahan Dalam Perkahwinan Oku Pendengaran Muslim: Satu Tinjauan Awal Terhadap Keperluan Penyampaian Modul Pra Perkahwinan Mesra OKU. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7*. 967-981.

Zuliza Mohd Kusrin & Nur Syaidatul Akmar Binti Sha'ari. 2020. Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia. *Journal Al-Irsyad*. Vol. 5, No. 1, 285-292.